

Newspaper	Berita Harian
Date	17/5/2011

Integrasi, keterangkuman kunci kejayaan Malaysia

Amalan kesederhanaan, demokrasi jalan terbaik untuk capai keamanan sejagat

» DARI MUKA 23

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.


Keganasan dan gerakan pelampau merupakan ancaman serius. Untuk mengatasinya memerlukan pemikiran secara jelas, yang berpandukan kepada penilaian terhadap sesuatu keadaan dibuat secara objektif. Faktor utama yang menyebabkan wujudnya gerakan pelampau secara global ialah masalah Timur Tengah yang masih belum selesai dan nasib malang yang menimpa rakyat Palestin. Perkara ini telah menghantui masyarakat global sejak sekian lama. Setiap negara yang cintakan keamanan dan ingin melihat wujudnya dunia yang lebih baik, perlu berusaha ke arah mencari penyelesaian berkeadilan, berdasarkan prinsip penubuhan dua negara yang berdaya maju serta keadilan bagi semua pihak yang terbabit.

Malaysia secara tegas menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan berdaya maju di bawah naungan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa Bersatu. Dunia berkewajipan menebus maruah rakyat Palestin; rakyat Palestin telah menderita terlalu lama. Mereka telah diusir dari tanah air mereka, rumah mereka dimusnahkan di depan mata mereka; mereka dihina dan ditakluk, tetapi dunia hanya melihatnya sambil berpeluk tubuh. Mereka ditindas dan dinafikan hak asasi kehidupan. Sudah tiba masanya tindakan sebenar diambil, bukan lagi sekadar melihat serta bersuara dengan penuh retorik.

Dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin dan perjuangan lain yang luhur, Malaysia tidak akan menyokong keganasan yang dilakukan terhadap mereka yang tidak mengangkat senjata, orang awam, wanita, kanak-kanak, orang tua dan mereka yang lemah. Ringkasnya, mereka yang tidak mampu mempertahankan diri, biar apa pun alasannya. Ada yang berhujah bahawa keadaan terdesak membawa kepada wujudnya kaedah peperangan yang tidak bersifat ortodoks. Saya ingin menggesa mereka supaya menjunjung prinsip Islam bahawa matlamat tidak menghalalkan cara.

Sebab itulah, di PBB pada September tahun lepas, saya menyeru agar ditubuhkan Gerakan Golongan Berpendirian Sederhana Global yang akan menyaksikan kerajaan, golongan intelek, cendekiawan agama dan pemimpin perniagaan dari seluruh dunia, mengamalkan pendirian bersepadu. Inilah semangat Wasatiyah - 'kesederhanaan atau berimbang' yang perlu wujud di seluruh dunia sekarang.

Tidak syak, skala dan kepantasan peristiwa yang berlaku di seluruh dunia Arab dalam beberapa bulan kebelakangan ini, ada kalanya dilihat hampir tidak mampu diatasi. Bagaimanapun, di tengah-tengah keadaan kacau-bilau dan keclaru-



Malaysia secara tegas menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan berdaya maju di bawah naungan resolusi Majlis Keselamatan Bangsa Bersatu. Dunia berkewajipan menebus maruah rakyat Palestin; rakyat Palestin telah menderita terlalu lama. Mereka telah diusir dari tanah air mereka, rumah mereka dimusnahkan di depan mata mereka; mereka dihina dan ditakluk, tetapi dunia hanya melihatnya sambil berpeluk tubuh. Mereka ditindas dan dinafikan hak asasi kehidupan. Sudah tiba masanya tindakan sebenar diambil, bukan lagi sekadar melihat serta bersuara dengan penuh retorik

an ini, kita tidak sepatutnya lupa bahawa negara berkenaan dan rakyatnya kini berdepan dengan pilihan yang sukar untuk dibuat - pilihan antara gerakan pelampau dan yang bersifat tidak bertolak ansur, yang tampil untuk mengisi kekosongan yang wujud, dan sikap sederhana yang aman serta demokratik, yang akan memberi kepada mereka lebih banyak kebebasan untuk bersuara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Seperti yang dikatakan oleh Samuel Johnson, masyarakat tidak boleh wujud hanya melalui hasil daripada timbal balas sikap bertolak ansur dan begitulah caranya bagaimana Malaysia yang moden, yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, pelbagai agama dan pelbagai budaya, bukan saja boleh wujud,

saikan masalah sikap pelampau dan lebih penting, bagaimana ia boleh membantu kita melepaskan diri daripada cengkaman krisis ekonomi global.

Bukannya satu kebetulan bahawa institusi-institusi yang merumuskan prinsip-prinsip Islam berjaya mengharungi krisis ekonomi terburuk. Kewangan Islam mementingkan hak orang ramai daripada keuntungan individu. Dan mungkin amat bernilai untuk mengetahui bahawa bank Islam tidak dibenarkan untuk membelanjakan dan meminjamkan wang pada jumlah yang lebih banyak daripada apa yang berada dalam tangannya.

Dunia Islam sudah pun menunjukkan yang ia mampu menjadi kuasa ekonomi. Malaysia ialah peneraju kewangan Islam di dunia. Malaysia juga peneraju di dunia dalam pengeluaran sukuk atau bon Islam dengan 60 peratus daripadanya berasal dari Malaysia.

Potensi besar kewangan Islam bukan sukar untuk dilihat. Terdapat lebih daripada satu setengah bilion umat Islam tinggal di negara di seluruh dunia. Terdapat lebih daripada 400 bank Islam di lebih 50 negara, termasuk di sini di United Kingdom.

Dalam hubungan ini, saya percaya kita patut melihat secara dekat mengenai bagaimana struktur kewangan Islam boleh membantu kemunculan ciri baru ekonomi global. Sebenarnya, kewangan Islam menawarkan kesederhanaan dan ketelusan. Berbanding dengan ketamakan, kewangan Islam menawarkan kesamarataan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kesederhanaan bukanlah konsep yang asing kepada manusia. Begitu juga ia bukan bersifat teori saja. Ia merupakan prinsip kehidupan sebenar yang dapat diteladani daripada peribadi mulia Nabi Muhammad (SAW) selepas bertahun-tahun dihina, dikesep dan ditindas oleh kaum Quraisy jahiliah, beliau memulakan pemerintahan di Makkah kemudiannya, dengan penuh barmaruah, bersikap pemaaf dan penuh kasih sayang.

Kesederhanaan juga boleh dilihat daripada peribadi Nelson Mandela yang selepas dipenjarakan selama 27 tahun, 18 tahun daripadanya dikurung dalam sel seluas lapan kaki kali lapan kaki, hanya dibenarkan menerima sepucuk surat dan seorang pelawat setiap enam bulan. Selepas beliau dibebaskan dan apabila ditanya oleh wartawan Sir David Frost "bagaimana anda mengharunginya selama 28 tahun, anda dikurung secara salah dan anda tidak berasa marah dan kecewa?" Mandela menjawab "David, saya ingin sekali untuk berasa marah dan kecewa, tetapi tidak ada masa untuk berasa marah dan kecewa. Ada kerja yang perlu dibuat...".

Dalam ucapan sulungnya sebagai Presiden pada 1994, Nelson Mandela membuat seruan yang amat mengesankan: "Let there be justice for all. Let there be peace for all. Let

there be work, bread, water and salt for all. Let each know that for each body, the mind and the soul have been freed to fulfil themselves."

(Pastikan keadilan untuk semua. Pastikan keamanan untuk semua. Pastikan ada peluang kerja dan makanan untuk semua. Pastikan setiap orang mempunyai kebebasan untuk mencapai impian masing-masing)

Kesederhanaan peribadinya dan kepimpinannya terbukti apabila tiada tindakan balas dendam berdarah di Afrika Selatan bagi semua kekejaman dan ketidakadilan terhadap majoriti kaum kulit hitam semasa rejim aparteid.

Begitu juga, kesederhanaan ditunjukkan dalam diri Mahatma Gandhi, bapa kepada perjuangan tanpa keganasan, yang memerdekakan negara menerusi kepercayaan bahawa semuanya boleh dicapai menerusi kebaikan.

Kesederhanaan juga dicerminkan dalam perjuangan Reverend Martin Luther King Jr. Dalam impiannya untuk kesamarataan di kalangan semua rakyat Amerika, beliau mencontohi pegangan Gandhi untuk tidak melakukan keganasan dalam perjuangannya dengan enggan meletakkan dirinya pada tahap serendah lawannya.

Dalam kes di United Kingdom, mari kita imbas kembali pada zaman gelap di Utara Ireland. Berpandukan Perjanjian Good Friday, kumpulan ekstremis daripada kedua-dua pihak cuba menjerumuskan negara itu ke kancang keganasan. Tetapi sebahagian besar puak sederhana, daripada puak nasionalis dan yang setia kepada negara, berpadu tenaga dan suara dengan tegas menyatakan "tidak".

Tidak, mereka tidak mahu kembali ke kancang peperangan.

Tidak, mereka tidak bersedia untuk mengorbankan kemakmuran dan keamanan yang sedang dikecapi.

Tidak, mereka tidak rela membiarkan tindakan jahat segelintir manusia menentukan nasib seluruh masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Edmund Burke, ahli falsafah, dipetik sebagai berkata: "all that is necessary for the triumph of evil is that good men do nothing." Pilihan kita adalah jelas. Marilah kita sama-sama bertindak demi masa depan keadilan, kebebasan, harapan, ihsan dan semangat muhibah demi anak-anak kita atau ia akan digantikan dengan masa depan yang dipenuhi ketidakadilan, kezaliman, tiada harapan, kekejaman dan kebencian. Kerana jurang sebenar bukanlah di antara Timur dan Barat, atau antara negara maju dan membangun atau malahan di antara Islam dan bukan Islam. Ia adalah antara golongan sederhana dan ekstremis daripada semua agama. Bersama-samalah kita mengamalkan kesederhanaan sebagai cara terbaik untuk bertindak dan cara terbaik untuk maju ke hadapan. Terima Kasih. - BERNAMA